

Satu Analisis Pemikiran Mantera Pakaian Diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan

Siti Aishah Jusoh*, Mohd Firdaus Che Yaacob

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

ABSTRAK – Mantera sinonim kepada sesuatu pemujaan yang berkaitan dengan benda ghaib. Lazimnya, mantera sangat dipercayai oleh masyarakat Melayu dahulu dan juga Orang Asli. Mantera merupakan ungkapan atau kata-kata yang diucapkan oleh pawang atau bomoh bagi tujuan tertentu. Mantera juga turut mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri terutamanya dalam kehidupan seharian seperti membuka penempatan baharu, bercucuk tanam, membina rumah dan menjaga kesihatan. Ada juga yang percaya bahawa mantera boleh digunakan untuk menganiayai dan mengkhianati orang lain. Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis mantera pakaian diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan menggunakan Teori Sastera Budaya. 8 buah mantera berkaitan pakaian diri yang diperoleh hasil daripada temubual dengan Tok Batin Orang Asli, Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan telah dikenal pasti dan dianalisis secara kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Sungai Rual khususnya orang-orang tua masih mengamalkan mantera pakaian diri demi keharmonian dan kesejahteraan seharian.

ARTICLE HISTORY

Revised: 8 June 2021

Accepted: 23 June 2021

KEYWORDS

Mantera
 Mantera Pakaian Diri
 Orang Asli
 Teori Sastera Budaya

*Indigenous People
 Literature and Cultural Theory
 Mantra
 Personal clothing mantras*

Analysis of Thought on Personal Clothing Mantras of Indigenous People at Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan

ABSTRACT – Mantras are synonymous with orations in worshipping supernatural entities. The use of mantras is habitually known and trusted by some traditional Malay and indigenous people (orang asli). It is an expression or spoken words by a magician or shaman for a specific purpose. It also has its own aesthetic value, especially in daily life such as in the opening of new settlements, during cultivation, building houses and maintaining health and well-being. There are those who believe that mantras can be used to deceive and persecute others. Therefore, this study aims to analyze the types of Orang Asli clothing mantras in Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan deductively, using the cultural studies theory. Eight spells related to personal clothings were obtained as a result of the interviews with two shamans of the indigenous (*Tok Batin*) in Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. The findings were qualitatively analysed which include library search and field works. The results found that the Sungai Rual Orang Asli community, especially the elderly, are still practicing the mantras of personal clothing for their daily comfort and harmony.

PENGENALAN

Mantera adalah sinonim kepada sesuatu pemujaan yang berunsurkan benda ghaib. Perkataan mantera diambil daripada Bahasa Sanskrit iaitu *mantra* atau *manir*. Ia bertujuan untuk mengawal dan mempengaruhi keinginan penuturnya. Mantera adalah kata-kata yang diucap untuk mendapatkan sesuatu yang kuasa ghaib melalui jampi serapah. Dalam konteks ini pemaknaan jampi itu sendiri mengenai kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendapat kesaktian seperti dalam menyembuhkan penyakit, kasih sayang, upacara dan sebagainya. Lazimnya, mantera adalah kebiasaan bagi masyarakat orang asli kerana mereka percaya pengamalan mantera merupakan salah satu cara untuk kelestarian dan keharmonian hidup. Kewujudan mantera dikatakan berdasarkan corak kehidupan dan kepercayaan pada ketika itu.

Mantera dalam upacara ritual merupakan sebahagian daripada bentuk kesusasteraan lisan dan dikategorikan sebagai tradisi lisan (Syiafuddin, 2005). Menurut Syiafudin (2005), mantera merupakan ungkapan kata-kata yang digunakan oleh pawang atau bomoh Melayu secara lisan menerusi upacara-upacara yang mempunyai pelbagai ragam maksud. Sebagai contoh, dari segi kepercayaan lama, mantera digunakan dalam upacara-upacara ritual, pemujaan kepada penunggu dan

semangat, juga dalam kerja-kerja yang berkait rapat dengan pertanian serta perikanan yang dilakukan oleh seorang yang arif dalam penjinjian mantera. Ia bertujuan untuk melindungi atau menjauhkan diri daripada bala dan bencana.

Justeru, pengkaji meluaskan bidang kesusasteraan terhadap mantera *pakaian diri* ini supaya ia dapat dipelihara daripada ditelan zaman begitu saja. Menerusi kajian ini juga, pengkaji tidak memfokuskan terhadap mantera masyarakat tradisional Melayu, tetapi mengambil kira penelitian terhadap mantera *pakaian diri* orang asli khususnya di Kampung Sungai Rual, Jeli Kelantan dengan lebih mendalam. Pengkajian ini disesuaikan dengan penelitian menggunakan Teori Sastera Budaya untuk menganalisis dan membincangkan jenis dan fungsi mantera *pakaian diri* yang diamalkan dikalangan orang asli Sungai Rual dengan lebih lanjut.

Penyataan Masalah dan Batasan Kajian

Pengkajian ini telah menerusi pengamatan awal terhadap kajian lepas khususnya mengenai konsep mantera itu sendiri. Melalui sorotan kajian lepas yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa sudah ada sejumlah pengkajian di Malaysia terhadap mantera. Namun begitu, kebanyakan kajian tersebut meliputi aspek fungsi, simbol dan jenis mantera. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan kajian yang sedia ada iaitu untuk mengkaji aspek ritual mantera *pakaian diri* khususnya bagi masyarakat orang asli di Kampung Sungai Rual, Jeli Kelantan. Pengkajian ini juga adalah untuk mendalami bait-bait tertentu mantera yang diucapkan oleh orang asli bagi mencapai tujuan yang diinginkan. Hal ini kerana, keakraban unsur ritual dengan manusia dapat mempengaruhi kehidupan seharian. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memastikan kajian yang berfokuskan ritual mantera *pakaian diri* supaya dapat dijadikan sebagai kajian yang menarik dan lebih berkesan untuk pencinta sastera di Malaysia.

Pengkaji membataskan kajian terhadap pengkajian Mantera *Pakaian Diri* orang asli di Kampung Sungai Rual, Jeli Kelantan yang berunsurkan ritual. Seterusnya, pengkaji menemu bual beberapa sumber bagi mendapatkan sejumlah mantera *pakaian diri* yang diamalkan. Antara ritual mantera *pakaian diri* yang diperolehi ialah Mantera Penguat Badan, Mantera Penunduk, Mantera Sergah Harimau, Mantera Kebal Diri, Mantera Melindungi Senjata, Mantera Mengunci Bedil, Mantera Pengasih dan Mantera Penghalang Marah.

SOROTAN LITERATUR

Penjelasan Mengenai Mantera

Mantera terbina daripada kata-kata ataupun ayat yang mana iaitu berbentuk puisi atau prosa berirama. Kebanyakan mantera mempunyai bait-bait yang mengandungi unsur spiritual dan magik atau yang berkaitan dengan kuasa luar biasa. Lazimnya, penggunaan mantera diperolehi melalui penurunan atau perguruan yang mana secara ghaib dan diyakini dengan sepenuhnya. Mantera sememangnya digunakan oleh sebahagian masyarakat Melayu malah turut menjadi pegangan teguh kepada masyarakat orang asli. Ia digunakan pada hampir keseluruhan aspek kehidupan termasuklah dari segi bercucuk tanam, mengeratkan silaturrahim, membuka penempatan baharu, membina rumah dan berkaitan dengan kehidupan seharian. Bagi masyarakat orang asli, penggunaan mantera mempunyai 'unsur spirit' yang mana turut memperlihatkan betapa banyaknya jenis dan fungsi mantera itu sendiri sehinggakan mereka bergantung sepenuhnya terhadap sifat fungsinya.

Setiap mantera memiliki penjelasan tertentu terhadap makna dan isi yang ingin disampaikan. Namun, ia juga turut bergantung kepada keyakinan diri sendiri terhadap sesebuah mantera yang dibaca. Begitu juga dengan jenis mantera yang berunsurkan ritual yang mana turut menjadi bahan pemujaan pada masyarakat terdahulu. Mantera juga masih diamalkan dan dijadikan rutin harian bagi masyarakat orang asli kerana mereka masih berpegang teguh kepada tradisi. Namun, bagi masyarakat orang asli yang cenderung ke arah revolusi pembelajaran dan pendidikan, mereka memperlihatkan penolakan kepercayaan terhadap mantera. Mantera yang dibaca oleh mereka juga menggunakan bahasa orang asli khususnya dialek jahai. Namun, kedatangan Islam dalam kehidupan mereka secara tidak langsung telah mempengaruhi unsur-unsur keagungan Allah S.W.T dalam bait-bait yang diucapkan. Dalam erti kata lain, penggunaan kalimat Allah S.W.T dan Nabi Muhammad S.A.W. didapati wujud dalam bait-bait mantera tersebut. Bagi warga tua pula, mereka tidak menolaknya kerana mereka beranggapan bahawa mantera dapat menyembuhkan segala-galanya.

Kewujudan mantera sememangnya sukar diketahui dengan tepat. Walaubagaimanapun, mantera lahir daripada pemikiran masyarakat yang kreatif dalam norma kehidupan mereka. Harun (1989) telah meneliti mengenai mantera Melayu khususnya dan telah membahagikannya kepada empat jenis berdasarkan isi dan fungsi, iaitu *pakaian diri*, pembantu dalam pekerjaan, perubatan dan perbomohan serta kegunaan dalam upacara. Pengkelasan yang dibahagikan oleh Harun (1989) bersifat lebih menyeluruh. Namun, pengkaji menggunakannya sebagai satu aspek pengkategorian terhadap jenis mantera dalam kajian ini. Hasil analisis mendapati bahawa mantera tersebut adalah di bawah kategori Mantera *Pakaian Diri* iaitu Mantera Penguat Badan, Mantera Penunduk, Mantera Sergah Harimau, Mantera Kebal Diri, Mantera Melindungi Senjata, Mantera Mengunci Bedil, Mantera Pengasih dan Mantera Penghalang Marah.

Kajian Berkaitan Mantera

Kajian lepas mengenai mantera oleh Saidatul Nornis (1999) bertajuk *Satu Penelitian Awal di Kalangan Petani Bajau*. Pengkajian tersebut menceritakan bahawa padi dianggap daripada sebahagian harta yang ternilai bagi masyarakat tradisional khususnya kaum Bajau. Padi menjadi sumber ekonomi utama bagi masyarakat Melayu untuk bergantung hidup. Kepercayaan kaum Bajau kepada semangat padi telah menyebabkan mereka mengamalkan upacara ritual bagi menghalang perkara buruk berlaku terutamanya semasa menuai padi. Seterusnya, Syaiffuddin (2005) dalam kajiannya mengenai *mantera dan upacara ritual masyarakat Melayu pesisir Timur di Sumatera Utara*. Kajian tersebut mengkaji

tentang fungsi dan nilai-nilai budaya berdasarkan upacara ritual dan mantera bagi memuja pantai. Tujuan utama terhadap kajiannya adalah untuk mengenal pasti fungsi mantera ritual dan hubungkait mantera dalam upacara ritual dengan nilai budaya serta kesannya kepada masyarakat. Kajian tersebut menggunakan pendekatan sosiologi sebagai deduktif dalam perbincangan. Secara kesimpulannya, kajian telah membuktikan bahawa mantera sememangnya digunakan dalam upacara masyarakat Melayu Pesisir Timur yang telah bercampur baur dengan kepercayaan Hindu, Islam dan Animisme.

Minah Sintian (2012) dalam kajiannya mengenai *mantera atau Rinait Kadazandusun* dengan melakukan tinjauan terhadap aspek pengamal dan fungsinya dalam kehidupan. *Rinait* merupakan suatu bentuk puisi lama yang dilafazkan dalam bentuk lagu mahupun bacaan biasa. *Rinait* juga terdiri daripada Bahasa Klasik dan mistik yang mana kebanyakan penggunaan istilah di dalamnya sukar untuk difahami. Kesimpulannya, penggunaan *rinait* menjadi pegangan kepercayaan dalam masyarakat Kadazandusun terutamanya untuk menjaga keharmonian hidup.

Seterusnya, Harun Mat Piah (2014), turut membuat pengkajian ilmiah yang bertajuk *Ilmu Perkasihan (seksologi) Melayu Tradisional, Satu Pembicaraan Awal*. Istilah “ilmu perkasihan” sebenarnya membawa maksud “ilmu berahi” yang merangkumi ilmu syahwat, ilmu jimak dan lain-lain lagi. Simbolik dan diskripsi terhadap ilmu jimak diperihalkan dalam kajian tersebut adalah diselarikan dengan doa, jampi dan mantera. Penggunaan mantera pengasih juga dibicarakan khususnya ditujukan kepada suami dan isteri. Kesimpulannya, doa, jampi dan mantera dalam ilmu perkasihan tersebut bersumberkan ilmu tradisional yang dibincangkan secara umum.

Selanjutnya, *Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskah-naskah Lama* oleh Harun Mat Piah (2015) turut membicarakan mengenai kaedah rawatan, pembuatan ubat, pantang larang dan pencegahan penyakit. Kajian ini merujuk khusus kepada *Kitab Tajul Muluk* yang mana terdiri daripada ilmu tib. Jelaslah bahawa, naskah-naskah lama sememangnya mempunyai perkaitan khususnya dalam konteks kesejahteraan masyarakat. Seterusnya, Ahmad Fazli dan Mohd. Nizam (2016) menerusi *mantera dalam perawatan tradisional Melayu di Kedah*. Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis perspektif akidah Islam yang meneliti amalan mantera dari sudut cara perawatan. Hasil kajian mendapati bahawa pengamal perawatan tradisional di Kedah mempunyai kaitan secara langsung dengan bantuan makhluk halus.

Di samping itu, kajian mengenai *fungsi dan simbol dalam mantera mengikut konteks budaya* telah dikaji oleh Mazarul Hasan, Norazimah dan Abdul Halim (2017). Objektif utama dalam kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti fungsi dan penggunaan simbol dalam mantera. Kajian itu juga didasari oleh Teori Sastera Budaya untuk melihat pemaknaan kata-kata terhadap cerminan akal budi masyarakat Melayu. Tegaslah bahawa, keindahan yang terkandung dalam bait-bait mantera melambangkan pemikiran masyarakat Melayu pada ketika dahulu. Selain itu juga, Rahmah, Zahir dan Sabzali (2019) turut menjalankan kajian terhadap *Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa dan Pemikiran*. Kajian itu bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan jenis-jenis mantera kecantikan wanita Bajau serta fungsinya dalam aspek kecantikan wanita Bajau. Dapatan kajian, membuktikan bahawa mantera pemanis mempunyai perkaitan dengan rupa paras dan penampilan diri bagi wanita Bajau.

Mantera juga sering diamalkan oleh masyarakat Melayu dan menjadi salah satu tradisi adat untuk mereka menjalankan aktiviti seharian. Dapat dilihat mantera sangat sinonim dengan masyarakat orang asli kerana mereka sangat mementingkan pantang larang terutamanya dalam bidang pekerjaan. Masyarakat orang asli menggunakan mantera bermula dari proses awal bercucuk tanam sehinggalah pokok tersebut tumbuh dan mendapat hasil. Mereka menggunakan mantera dalam aktiviti pertanian dan memburu haiwan. Bagi aktiviti bercucuk tanam adalah bermulanya daripada membuka penempatan baharu yang turut dibacakan mantera untuk menghalau jin serta segala ibu jin. Mereka juga mengadakan upacara tarian sewang sebermula petempatan baharu dibuka. Kepercayaan mereka terhadap gangguan makhluk halus sangat membimbangkan kerana mereka berpendapat jin akan merosakkan segala tanamannya. Mereka mengamalkan upacara membaca mantera sebelum membuka penempatan yang baharu.

Kajian Berkaitan Orang Asli

Kajian mengenai ‘Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal’ telah dikaji oleh Wan Khairul Husna (2011). Tujuan utama kajian tersebut dijalankan adalah untuk melestarikan Bahasa Bateq dan Mah Meri melalui dua aspek penting iaitu fonologi dan leksikal. Selain daripada itu, kajian juga bertujuan menganalisis aspek leksikal Bahasa Bateq di Kelantan dan Mah Meri di Selangor. Kajian tersebut turut didasari dengan Teori Kelestarian Bahasa untuk menghubungkan aspek fonologi dan leksikal. Konklusinya, kajian mendapati bahawa Bahasa Mah Meri mempunyai banyak persamaan dengan Bahasa Melayu berbanding dengan Bahasa Bateq menerusi aspek fonologi dan leksikal. Satu kajian lain yang dijalankan oleh Siti Fatimah dan Jama’yah (2013) berfokuskan cerita lisan Orang Asli Jakun yang semakin hari semakin jauh daripada anggota masyarakatnya. Secara keseluruhannya, kajian cerita lisan itu mendapati faktor teknologi dan sikap manusia itu sendiri menjadi penyebab kepupusan tersebut terjadi.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah kepustakaan telah digunakan oleh pengkaji, dengan merujuk bahan bacaan seperti jurnal dan artikel serta pengkajian lepas. Antanya, rujukan daripada buku-buku, majalah, kamus, bahan ilmiah, tesis para sarjana dan sumber internet. Bahan-bahan kajian ini sepenuhnya dirujuk di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Perpustakaan Daerah Jeli, Perpustakaan Komuniti, Perpustakaan Awam Kelantan, Perpustakaan Nilampuri dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Selain itu, temu bual merupakan medium utama untuk mendapatkan data yang sahih di lapangan. Pengkaji telah mengajukan beberapa soalan-soalan lisan yang mudah difahami kepada sumber-sumber yang telah dikenal pasti dan

dipercayai mengikut kesesuaian mantera yang ingin dikongsi. Melalui temubual tersebut, maklumat yang diperoleh dikumpulkan, disaring dan dianalisis secara sistematik. Ketika berlangsungnya sesi temu bual dengan sumber-sumber, pengkaji telah membuat rakaman audio dan visual menerusi pita suara dan kamera DSLR. Pengkaji juga menggunakan sistem kod dalam kajian ini iaitu 'S1' merujuk kepada sumber satu, manakala 'S2' pula, merujuk kepada sumber 2. Penggunaan sistem kod adalah untuk menjaga nama dan keperibadian S1 dan S2 sebagai pemberi maklumat kajian dan seterusnya untuk mencapai objektif kajian ini.

Teori Sastera dan Budaya

Teori Sastera dan Budaya dijadikan deduktif dalam kajian ini untuk mencapai objektif kajian. Merujuk buku Teori Sastera Kontemporari oleh sasterawan Perak iaitu Dr. Abdul Rahman Napiah atau lebih dikenali Mana Sikana (2005), Teori Sastera Budaya ini telah mula popular pada tahun 1990 dan diguna pakai dalam kalangan ahli antropologi dan sosiologi. Teori ini membicara dan memahami hal berkaitan kebudayaan. Dalam hal ini, Teori Sastera Budaya dikelompokkan sebagai teori bersama dengan sosiologi, marxisme, feminisme, teori sejarah dan historisisme baru. Hal ini adalah untuk melihat, mengkaji dan menganalisis teks sastera yang mempunyai fungsi serta peranan kepada pembaca. Abdul Rahman Napiah (2005) menjelaskan bahawa definisi Teori Sastera Budaya merujuk kepada usaha pembaca untuk menganalisis hubungan teks, pengarang dan pembaca terhadap politik, sosial dan ekonomi. Dengan kata lain, teks sastera mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan seseorang individu dalam anggota masyarakat.

Lanjutan itu, Teori Sastera Budaya sememangnya membawa erti yang luas sebagaimana luasnya konsep budaya itu sendiri. Setiap individu dalam kelompok yang berbeza sudah semestinya mempunyai perilaku dan norma yang berbeza. Tamsilnya, jika ingin mengenal budaya makan bagi masyarakat Melayu adalah melalui penggunaan tangan kanan. Namun, budaya makan bagi orang cina adalah menggunakan penyepit. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan cara kedua-dua kelompok masyarakat tersebut dapat ditakrifkan dengan budaya yang berbeza serta boleh diterima masyarakat. Kebelakangan ini, takrifan budaya sering dianggap sebagai bahan untuk dipamerkan, dipertontonkan dan dipersembahkan untuk tujuan berkongsi lambang dan makna.

Walau bagaimanapun, konsep budaya itu sendiri bukan sahaja untuk dipersembahkan, ia menunjukkan sesuatu bahawa sesebuah masyarakat itu boleh diinterpretasikan secara berbeza. Begitu juga dengan kepercayaan bagi sesebuah kelompok. Dalam hal ini, konsep budaya itu sendiri merujuk juga kepada budaya umpat-mengumpat, cerita lisan, kepercayaan, hasad dengki, caci-mencaci, sistem berpolitik dan sebagainya yang mempunyai perkaitan hubungan dengan manusia. Oleh hal yang demikian, amatlah wajar sekiranya orang asli juga mempunyai keunikan budaya dan etnik tersendiri dengan kepercayaan mereka terhadap bacaan-bacaan yang diamalkan.

Malah, tidak semua orang tahu akan keunikan kosa kata yang ada dalam bait mantera khususnya orang asli kerana semua perkataan yang disusun dalam bait tersebut digunakan hanya di kalangan mereka. Ini bermakna, bait hanya dapat dijelaskan melalui kosa kata yang digunakan dalam sesebuah mantera dengan perlambangan kepada kelompok masyarakat tertentu. Tamsilnya, pemaknaan terhadap perkataan seperti 'ilet batu' dalam mantera orang asli membawa maksud akar kayu yang bersifat keras dan sukar dicari. Manakala, penggunaan 'ilet besi' dalam mantera orang asli hanya diterima dan difahami dengan jelas oleh kelompok mereka sahaja. Dengan kata lain, perlambangan dalam sesebuah mantera sangat berkait rapat dengan psikologi manusia seperti keupayaan mereka membentuk sebuah kepercayaan bahawa dengan pemujaan unsur alam dapat memenuhi perkara yang dihajati. Oleh itu, metodologi kajian ini adalah berlandaskan Teori Sastera Budaya untuk mengenal pasti dan menganalisis mantera khususnya yang diamalkan masyarakat Orang Asli Sungai Rual.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Mantera Pakaian Diri

Mantera untuk diri adalah mantera pakaian diri sebagaimana yang diklasifikasikan oleh Harun Mat Piah (1989). Ia menjadikan seseorang lebih kebal dan tidak mudah menyerah kalah dalam sesuatu halangan yang ditempuhi. Selain itu, ia juga melindungi diri untuk terselamat daripada perbuatan jahat dan sihir, tenang dipandang dan sebagainya. Antara jenis mantera yang terdapat dalam 'pakaian diri' ialah Mantera Penguat Badan, Mantera Penunduk, Mantera Segah Rimau, Mantera Kebal Diri, Mantera Selindung Senjata Musuh, Mantera Mengunci Bedil, Mantera Pengasih, Mantera Menghalang Marah, dan Mantera Menghalang Marah.

Mantera Penguat Badan

Mantera ini menjadikan diri pengamalnya kuat jasmani dan rohani yang mana berperanan untuk menjadikan badan kuat dan tidak dimakan usia. Mantera ini juga dapat menghalang anasir jahat dan berupaya melindungi seseorang daripada perkara yang tidak diinginkan.

Yed engsod brak yak gos
 Yed engsod brak chan ok
 Yed engsod brak kui'yed (Dialek Jahai)
 Ceb kom kom baah
 Yed engsod brak bad a da' yed
 Hai yed haloi yed

Roh si mati di tubuhku
 Roh si mati di kakiku
 Roh si mati di kepalaku (Dialek Melayu)
 Datang segala halangan
 Roh si mati di depan ku
 Huuh
 (S1, 2018)

Berdasarkan petikan di atas, S1 menggambarkan mantera penguat badan sememangnya masih diamalkan oleh sesetengah kelompok masyarakat orang asli. Mantera tersebut merupakan sebuah mantera yang digunakan untuk diri sendiri sahaja yakni diamalkan untuk kesihatan diri. Jika dilihat pada bait-bait yang tertera dalam mantera penguat badan, ia jelas mengandungi konotasi yang bersifat magis. Oleh itu, selari dengan Teori Sastera Budaya, penggunaan kosa kata ‘roh’ merupakan simbolik kepada kuasa ghaib yang dipercayai mampu mengubah nasib pengamalnya. Roh adalah bersifat ghaib dan ia terjadi apabila manusia bercerai dengan jasad. Namun, masyarakat orang asli masih mempercayai bahawa mereka dapat berhubung dengan si mati kerana rohnya masih berkeliaran. Tamsilnya, pada bait pertama iaitu “Roh si mati ditubuhku”, membawa maksud roh orang yang meninggal dunia diseru untuk berada dalam diri. Oleh itu, penutur percaya kesan mujarab mantera ini apabila roh yang diseru kembali semula sehingga menemui kepada penuturnya.

Mantera Penunduk

Mantera jenis ini berfungsi menjadikan seseorang kelihatan lebih gagah dan menggerunkan sehingga menimbulkan rasa takut kepada orang lain. Lazimnya ia digunakan untuk menentang musuh dan mengalahkan musuh dalam pertarungan yang berbentuk fizikal. Mantera ini juga mempunyai bantuan makhluk halus dan semangat tertentu untuk membangkitkan semangat seseorang.

Moh bom yek
 Pea baah yek yak bim bum (Dialek Jahai)
 Yek yak angkat moh
 Yek bak ah
 Ok sayeng bayek
 Aben
 Yak cheb bak anik
 Ya wek.

Hei semangat (roh si mati)
 Engkaulah sahabat aku
 Mari engkau bersama aku
 Ambil (si anu) itu (Dialek Melayu)
 Bawa ke mari
 Rasa kasih aku
 cantik
 Akan dia
 Jalan ke sana.
 (S1, 2018)

Berdasarkan petikan di atas, S1 menerangkan bahawa mantera penunduk boleh menundukkan seseorang dalam keberadaan situasi yang tegang. Dalam konteks ini, menyeru semangat seperti dalam bait pertama iaitu “hei semangat (roh si mati)” adalah lambang kepada kepercayaan animisme. Manakala dalam bait kedua, menjelaskan bahawa mereka bersahabat dengan roh iaitu “engkaulah sahabat aku”. Logiknya, mana mungkin kita sebagai manusia dapat bersahabat dengan benda ghaib dengan alasan untuk membantu menyelesaikan masalah kerana sebaik baik jin adalah sejahat jahat manusia. Namun, menerusi Teori Sastera Budaya, ia dapat digambarkan bahawa perlambangan psikologi masyarakat orang asli sememangnya mempunyai perkaitan mantera dengan kepercayaan kepada benda ghaib.

Mantera Sergah Harimau

Harimau merupakan salah seekor binatang yang paling digeruni tidak kira masyarakat Melayu mahupun orang asli. Bagi kelompok orang asli, mereka akan mengamalkan mantera untuk sergah harimau tatkala berhadapan dengan sang harimau di dalam hutan. Mereka juga berpendapat bahawa setiap golongan lelaki mesti mengetahui mantera sergah harimau untuk kegunaan diri sendiri mahupun untuk melindungi orang lain sekiranya berlaku perkara yang memerlukan keberanian. Mantera sergah harimau adalah seperti berikut:

Yu gu yu mak bang
 Ilet besi ilet tembaga
 Sabar namamu
 Seperti guruh suara aku

Hei (sergah dengan kuat)
 Yu guy u mak bang
 Ilet besi ilet tembaga
 Sanar namamu
 Seperti guruh suara aku
 Hei (sergah dengan kuat)
 (S2, 2018)

Bagi orang asli, mereka percaya bahawa mantera adalah segala-galanya dalam melawan musuh, menghalau jin dan binatang buas. Ini jelas dilihat dalam bait-bait yang terkandung dalam mantera sergah harimau yang semestinya diamalkan oleh setiap individu sebagai pakaian diri khususnya golongan tua.

Kepercayaan qudus mereka terhadap mantera ini akan lebih meyakinkan lagi apabila situasi tersebut benar-benar terjadi. Dalam bait yang keempat iaitu “seperti guruh suara aku” menunjukkan bahawa suara seseorang individu tersebut amatlah kuat sehingga boleh menyergah sang harimau. Mantera ini dibacakan apabila seseorang masuk ke hutan dan terserempak dengan harimau secara berhadapan. Mantera ini dibaca sehingga ke penghujung ayat dan ayat yang terakhir iaitu “hei” disergah dengan kuat. Lalu, harimau tersebut akan jatuh, dan pengamalnya pula dihalang untuk tidak didekati oleh harimau tersebut kerana mantera yang dibacanya akan ‘tawar’. Pengaplikasian Teori Sastera Budaya terhadap pemaknaan “seperti guruh suara aku” melambangkan keadaan penuturnya yang berkemampuan untuk mengeluarkan suara yang sangat kuat seperti guruh di langit. Berkemungkinan, sergahan suara penutur terhadap harimau dapat menghalang dirinya daripada diterkam.

Mantera Kebal Diri

Mantera untuk kegunaan diri juga meliputi ilmu kebal dalam diri seseorang. Pengamal ilmu kebal dapat menghalang badan seseorang daripada tercedera akibat senjata. Mantera jenis ini dapat melindungi diri supaya tidak lut apabila terkena senjata seperti parang, pisau dan sebagainya oleh pihak musuh. Dengan kata lain, mantera ini dapat menjadikan diri seseorang kebal contohnya, daripada besi. Contoh mantera tersebut adalah seperti berikut:

Assalamualaikum
 Terbakau dimiang pecah
 Humbut ta raja besi
 Puh kiri puh kanan
 (S2, 2018)

Berdasarkan petikan di atas, S2 memperincikan bahawa mantera kebal diri diamalkan untuk menghalang seseorang tidak telap apabila terkena senjata. Menurutnya lagi, selain daripada menjadikan seseorang itu kebal, ia juga dapat menumpulkan senjata yang telah dihunus apabila terkena badan pengamal. Dalam pada itu, mantera kebal diri juga mengingatkan sejarah Melayu iaitu pertarungan Antara Hang Tuah dengan pendekar Jawa iaitu Taming Sari yang kebal akan senjata. Ternyata, kekebalan Taming Sari terletak pada kerisnya. Akhirnya, Taming Sari telah dikalahkan Hang Tuah dan raja telah menganugerahkan Hang Tuah keris milik Taming Sari. Menerusi Teori Sastera Budaya, dapat dilihat bahawa penggunaan kosa kata “raja besi” dalam baris yang ketiga memberi simbol kepada segala kekuatan yang ada pada besi apabila ia diseru.

Jika dilihat, objek besi merupakan suatu objek yang susah untuk dikerat atau dipatahkan dengan sewenang-wenangnya. Kebijaksanaan orang asli sangat luar biasa dari segi pemikiran terhadap pemujaan sesuatu benda yakni mereka dapat mengaitkan objek besi dengan pembinaan sebuah mantera. Pada bait terakhir mantera di atas iaitu “Puh kiri, puh kanan” menunjukkan perbuatan bagi menutup bacaan sebuah mantera oleh pengamal. Mereka percaya bahawa dengan perbuatan “Puh kiri, puh kanan” akan meyakinkan lagi mantera tersebut benar-benar berfungsi. Oleh itu, mantera ini menjelaskan kepentingan kepercayaan “raja besi” dalam kelompok orang asli.

Mantera Selindung Senjata Musuh

Dalam pada itu, terdapat juga mantera yang boleh menggerunkan dan menakutkan musuh. Hal demikian menyebabkan pihak musuh lupa akan senjata yang ada pada dirinya dan hanya menggunakan anggota badan sahaja untuk melawan. Bagi masyarakat orang asli, senjata utamanya iaitu sumpit merupakan senjata yang sangat berbahaya. Oleh itu, mereka turut mengamalkan mantera sebagaimana seperti berikut:

Assalamualaikum
 Simun besi
 Simun tembaga
 Mu ghaib
 Jambatan telaga
 (S2, 2018)

Berdasarkan petikan di atas, S2 menegaskan bahawa mantera selindung senjata musuh merupakan sebuah mantera yang dipercayai mampu melemahkan pihak musuh. Dalam hal ini, senjata yang dimaksudkan bukan sahaja meliputi

senampang, sumpit dan sebagainya malah ia juga merujuk kepada pisau dan segala benda yang tajam yang dianggap senjata. Menerusi Teori Sastera Budaya, pemaknaan kepada “mu ghaib” dalam baris keempat membawa maksud hilang dari pandangan yakni senjata yang dipegang oleh musuh akan tidak kelihatan. Boleh jadi senjata musuh itu juga tidak berfungsi dengan sepenuhnya. Tegastlah bahawa, konotasi yang digunakan dalam bait-bait mantera yang diungkapkan dengan penuh yakin akan dapat mengaburkan pandangan musuh.

Mantera Mengunci Bedil

Mantera mengunci bedil juga diklasifikasikan di bawah mantera untuk kegunaan diri. Mantera jenis ini akan menggerunkan musuh menyebabkan senjata musuh seperti bedil telah dikunci. Antara bait-bait mantera ini berbunyi seperti berikut:

Tok tak tok tak
 Humu tok raja besi
 Allah kunci
 Muhammad kunci
 Kunci raja besi
 Rak kemerak kunci
 (S2, 2018)

Berdasarkan petikan di atas, S2 menggambarkan keyakinan mantera ini mengunci bedil lantas dapat mengalahkan pihak lawan. Mantera ini juga akan membuatkan bedil yang dilempar kepada penutur tidak meletup dan apabila dikembalikan kepada musuh dengan sendirinya berfungsi. Pada masa yang sama, bait ketiga dan keempat menunjukkan pengaruh agama Islam dalam pengungkapan mantera ini. Menerusi Teori Sastera Budaya, pemaknaan terhadap “Allah kunci” membawa maksud berkemungkinan menyerahkan segala-galanya kepada Sang Pencipta untuk mengatasi sesuatu musibah dengan hati yang tulus. Begitu juga dengan penggunaan objek besi iaitu dalam bait yang ke lima “kunci raja besi” memberi makna mengunci segala kuasa atau kehebatan khususnya objek senjata pihak musuh.

Mantera Pengasih

Mantera pengasih adalah mantera yang digunakan untuk menjadikan si pemakai disayangi dan dikasihi oleh orang yang dihajati. Mantera ini juga menggunakan jin iaitu pengamalannya akan membangkitkan semangat atau seumpama dengannya untuk menarik minat seseorang kepada pengamal. Sebagai contoh:

Assalamualaikum
 Sireh seracik racik (30 kali)
 Lalat di langit hinggap di ranting muda
 Muda aku ku kirim
 Angin tujuh beradik
 Dayang pandang dan dayang
 Pandang di langit
 Bintang seribu
 Dan dayang pandang dayang
 Pandang nadi gerak dalam hati
 Cahaya tindih bayang dan dayang
 Dan dayang tindih cahaya dayang
 Rak aku kemerak
 Minyak pengasih aku
 (tiup di minyak dan tutup)
 Bukan aku pandai kemerak
 Tapi Allah pandai kemerak
 (S2, 2018)

Menurut S2, pengamal mantera pengasih akan dikasihi oleh seseorang yang dihajatnya. Mantera pengasih lazimnya menggunakan perantaraan manusia dengan unsur alam termasuklah jin. Dalam hal ini, ia berfungsi untuk menarik minat individu yang disasarkan untuk jatuh hati kepada pengamalannya. Malah, ia juga boleh digunakan untuk melariskan perniagaan seseorang. Cara penggunaannya adalah bergantung kepada si pengamalannya. S2 yang merupakan salah seorang pengamal tegar mantera jenis ini menyatakan bahawa mantera pengasih boleh digunakan melalui asap rokok.

Selain itu, mantera pengasih juga dibuat melalui minyak kelapa sulong yang ditanak tanpa menggunakan air. Mantera pengasih dibacakan pada malam Selasa ketika waktu orang sedang nyenyak tidur dan tidak boleh dibaca dengan kuat. Pada bait pertama iaitu “sireh seracik racik” adalah perkataan yang diulang sebanyak 30 kali. Terdapat unsur alam dalam bait tersebut yang mengagungkan alam semula jadi. Apabila selesai, mantera tersebut akan ditiupkan ke dalam botol yang berisi minyak kelapa tadi. Ia kemudiannya ditutup dan boleh di bawa ke mana-mana sahaja. Justeru, bagi yang tidak ada minyak kelapa sulong, mantera ini boleh dibaca ketika si pengamalannya menghisap rokok di kalangan individu yang

disasarkan. Asap rokok yang dihembus dan mengenai kepada individu yang diinginkan akan membuatkan individu tersebut secara tidak sedar suka pada pengamal mantera ini.

Ini bermakna mantera dan individu berfungsi untuk menghalau binatang, atau dikasihi oleh orang sekeliling. Menerusi Teori Sastera Budaya, penggunaan unsur alam flora iaitu “sireh seracik-racik” memungkinkan simbol kuasa yang luar biasa kepada penuturnya. Pengulangan sebanyak 30 kali yang diulang secara tidak langsung akan menimbulkan kesan yang aneh dalam diri penutur dan merangsang kejiwaan untuk mempercayai kehebatan mantera tersebut. Tambahan, sireh yang dikenali sebagai Sireh Junjung merupakan simbolik yang wajib ada di hadapan mempelai dalam istiadat perkahwinan. Pada bait yang ke-39 iaitu “pandang nadi, gerak dalam hati” memberi gambaran tentang penutur yang melafazkan mantera ini dengan penuh keyakinan sambil menyeru nama individu yang diinginkan dalam hati. Jelaslah bahawa, penggunaan unsur alam sememangnya menjadi simbolik kepada masyarakat orang asli dalam mengagungkan kepercayaan mereka.

Mantera Menghalang Marah

Mantera juga boleh menghalang marah seseorang kepada individu yang dimarahi. Si pengamalnya akan membaca mantera tersebut untuk menyebabkan seseorang itu lupa akan kemarahannya terhadap si pengamal. Begitu juga dengan masyarakat orang asli yang turut mengamalkan mantera ini supaya tidak berlakunya perselisihan faham antara satu sama lain. Mantera jenis ini tidak mengandungi unsur jin atau benda ghaib. Antara bait-bait mantera yang berfungsi untuk menghilangkan marah seseorang adalah:

Assalamualaikum
 Batu sanggit
 Batu sangga
 Sangga mara
 Datang jauh
 Merah menyala
 Rak aku kemerak
 Biar sejuk dalam hatimu
 Baik dengan aku hatimu
 Rak aku kemerak
 (S2, 2018)

Pada bait yang ketiga terakhir iaitu “biar aku sejuk dalam hatimu” membawa maksud bahawa seseorang yang sedang marah mudah-mudahan menjadi sejuk. Malah, mantera ini turut diamalkan oleh masyarakat orang asli bagi mengekalkan perpaduan antara mereka. Ini memperjelaskan lagi tentang jenis-jenis mantera yang menggambarkan kebijaksanaan masyarakat orang asli terutama dalam membina mantera tersebut.

Dalam konteks ini, ritual penutur sememangnya mempunyai unsur-unsur mistik dalam pengucapan dan pemujaan yang diamalkan. Menerusi Teori Sastera Budaya, “biar sejuk dalam hatimu” merupakan simbol kepada keredaaan bagi mengatasi kemarahan seseorang. Dari segi penggunaan warna iaitu “merah menyala” boleh diertikan warna terang seperti sinonim kepada perasaan marah yang membuak-buak. Jelaslah bahawa, perlambangan kepada sesuatu benda merupakan cerminan psikologi manusia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, mantera pakaian diri yang diamalkan di kalangan masyarakat orang asli bergantung kepada tujuan tertentu, sama ada untuk perlindungan, kekuatan diri atau untuk meraih sesuatu yang diinginkan. Keberkesanan sesuatu mantera pakaian diri bergantung kepada kepercayaan dan keyakinan pengamal mantera tersebut. Jenis mantera pakaian diri yang merangkumi mantera pengasih, mantera sergah harimau, mantera mengunci bedil, mantera penunduk dan sebagainya, bergantung kepada kepentingan sesuatu mantera terhadap individu tersebut.

Kebiasaannya, mantera pakaian diri mempunyai unsur-unsur mistik yang melibatkan perantaraan jin dan kuasa alam. Keestetikaan dalam sesebuah mantera dapat dilihat daripada susunan diksi yang menggunakan unsur alam sebagai pemujaan. Ia juga menggambarkan bahawa masyarakat orang asli sebenarnya mempunyai kebijaksanaan dalam penyusunan bait-bait yang indah. Mantera juga sedap didengar kerana terdapat pengulangan kata pada awal baris sebagaimana yang telah dinyatakan dalam mantera pengasih iaitu pengulangan ayat “sireh seracik-racik” sebanyak 30 kali. Ini menekankan ketepatan dan kepadatan perkataan yang berkaitan dengan perkara yang hendak disampaikan. Apa yang pasti, penjelasan dan contoh-contoh mantera tersebut jelas menunjukkan perkaitan rapat mantera dengan kebudayaan dan kepercayaan kelompok masyarakat orang asli khususnya di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Hal ini meletakkan mantera pakaian diri sebagai medium utama untuk kesejahteraan hidup dalam masyarakat orang asli.

RUJUKAN

- Ahmad Fazli, S. & Mohd Nizam, S. (2016). Mantera dalam Perawatan Tradisional Melayu di Kedah: Analisis menurut perspektif Akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Dua Melayu*, 9(1), Pusat Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Napiah. (2005). *Teori Sastera Kontemporari*. Pustaka Karya.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Harun Mat Piah. (2014). *Ilmu Perkasihan (Seksologi) Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Awal*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Harun Mat Piah (2015). *Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskah-Naskah Lama*. *International journal of the Malay World and civilisation*, 3(3): 3–17.
- Mazarul Hasan, M. H., Norazimah, Z, & Abdul Halim, A. (2017). Fungsi dan simbol dalam mantera mengikut konteks budaya Melayu. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 3(1): 21–29.
- Minah Sintian. (2012). *Mantera atau Rinait Kadazandusun: Tinjauan Dalam Sspek Pengamal dan Fungsinya dalam Kehidupan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahmah, A. G., Zahir, A. & Sabzali, M.K. (2019). *Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa dan Pemikiran*. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1): 306–327.
- Saidatul Nornis, M. (1999). *Mantera: Satu Penelitian Awal di Kalangan Petani Bajau*. *Jurnal Kinabalu*, 51–82.
- Siti Fatimah, S. & Jama'yah, Z. (2013). *Masa Depan Cerita Rakyat Orang Asli Jakun*. *International Journal of the Malay World and Civilisation*.
- Syaifuddin, W. M. (2005). *Mantera dan Upacara Ritual Masyarakat Melayu Pesisir Timur di Sumatera Utara: Kajian Tentang Fungsi dan Nilai-Nilai Budaya*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Wan Khairul Husna, W.M. (2011). *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*. Universiti Putra Malaysia.